

Oleh : DATUK SERI SYED HAMID ALBAR
Tempat : [s.l]
Tarikh : 8 NOVEMBER 2001
Tajuk : FORUM HAK ASASI MANUSIA MENURUT PERSPEKTIF ISLAM - KESEJAHTERAAN SEJAGAT

Assalamualaikum wrt wbt

Y.Bhg Hajjah Kamilia Dato' Ibrahim
Pengerusi
Majlis Perunding Wanita Islam Malaysia (MPWIM)
Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM)

YBhg Dato' Haji Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad
Yang di Pertua YADIM

Duta-Duta Besar dan Wakil-Wakil

Ahli-Ahli Lembaga Pemegang Amanah
Yayasan Dakwah (YADIM)

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian.

Pertama sekali izinkan saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Majlis Perunding Wanita Islam Malaysia yang telah mengundang saya untuk menyampaikan ucapan saya di Majlis ini, dan seterusnya merasmikan Forum Hak Asasi Manusia Menurut Perspektif Islam bertemakan Kesejahteraan Sejagat. Saya difahamkan Forum ini bertujuan untuk mendedahkan kita kepada isu bersabit dengan hak-hak asasi manusia dan hubongannya dengan nilai kemanusiaan dari perspektif Islam bagi melahirkan kesejahteraan sejagat. Tajuk ini sememangnya sangat sesuai dan tepat pada masanya, justru kerana isu hak asasi manusia juga menyentuh kita dalam konteks system pentadbiran dan budaya masyarakat di Malaysia. Ianya menjadi lebih menarik lagi sedang dunia kini berdepan dengan konflik anjakan paradigma, akibat dari proses globalisasi, demokrasi liberal, serta system pasaran berteraskan kapitalisme. Di masa sama dengan runtuhnya tembok perang dingin dan pemerintahan yang diwarnai ideology. Pada bulan Disember 2000 yang lalu saya telah berucap mengenai "Hak Asasi Manusia dan Tanggungjawab" di Forum anjuran SUHAKAM di mana saya merumuskan bahawa tidak akan terbentuk hak tanpa tanggungjawab. Pada hari ini mari kita bersama-sama mengupas isu hak asasi manusia dari kacamata Islam.

Saudara dan Saudari.

2. Akhir-akhir ini pula isu hak asasi manusia dibahaskan secara meluas dalam amalan dan perlaksanaannya di negara kita. Ada juga kumpulan yang sengaja mengembur-gemburkan untuk kepentingan dan matlamat sempit mereka seolah-olah hak asasi adalah perkara baru dalam negara kita, sedangkan sebenarnya hak asasi sudahpun terkandung dan dijamin oleh perlembagaan kita, semenjak negara

mencapai kemerdekaan sebagai perkara asas melahirkan kesejahteraan rakyat. Soal hak dan kebebasan asasi sebenarnya bukanlah suatu perkara baru. Ianya telah berakar umbi di dalam sejarah tamaddun manusia itu sendiri. Setelah mencapai kemerdekaan, tidak dapat dinafikan bahawa Malaysia telah menikmati kesejahteraan kehidupan bermasyarakat berasaskan kesamarataan dan perkongsian masyarakat berbilang kaum dan agama dalam suasana yang harmoni dan aman. Ini merupakan salah satu unsur penting di dalam menikmati hak-hak asasi kita semua sebagai masyarakat bebas dan negara berdaulat.

3. Persoalan yang timbul adalah sama ada kita sebagai sebuah negara Islam harus menerima begitu sahaja pemakaian konsep hak asasi manusia yang beracukan Barat. Sebagai sebuah negara berbilang kaum, budaya dan agama - muafakat serta toleransi adalah teras dan resipi penting yang menjamin kesatuan, kedamaian dan kemakmuran sesuatu masyarakat. Hanya di dalam suasana demikian sahaja kenikmatan hak asasi dapat dicapai.

Saudara dan Saudari,

4. Kesejahteraan sejagat merupakan fitrah manusia tanpa mengira batas dan sempadan negara, usia, agama, bangsa dan kedudukan. Malahan pelbagai formula dan cara telah dirangka untuk mencapai matlamat tersebut. Namun kita terus menyaksikan ketidakseimbangan kedudukan, ancaman serta penindasan dan ketidakadilan, kebenaran yang ditegakkan semata-mata bersandarkan kepada kekuatan ataupun kekuasaan. Pejuang-pejuang hak asasi manusia begitu lantang memperjuangkan hak sama rata, kebebasan bergerak, bersuara, menegakkan keadilan melalui pemerintahan mengikut undang-undang dan sistem kehakiman yang adil. Hak untuk menganuti agama juga terjamin. Sering hak asasi manusia terhadap nyawa dan kehidupan tidak dibela oleh mereka yang kononnya menjadi juara hak asasi. Jika ia dilaksanakan ianya dilakukan mengikut kepentingan strategik dan ekonomi mereka yang berkuasa mencorakan dunia.

5. Jelas peradaban dan ketamadunan manusia di abad ke-20, gagal diamalkan dan diterjemahkan mengikut sebenar Deklarasi Hak Asasi Sejagat 1948 bahawa tiap-tiap orang berhak untuk hidup, menikmati kebebasan dan keselamatan diri. Persengketaan tidak dapat di bendung, nyawa manusia tidak dapat diberi perlindungan seperti yang di tuntutan. Hak asasi manusia yang utama nyata gagal dipelihara. Penghuni dunia tidak kira usia, warna, bangsa serta status mengaku mahukan kedamaian dan kesejahteraan sejagat. Pelbagai bentuk penyuaran hasrat disampaikan. Malangnya hasrat-hasrat tersebut lebih memmanifestasikan keangkuhan serta kekejaman dan membawa kepada konflik yang berpanjangan, menyebabkan keruntuhan ekonomi dan kehancuran.

6. Islam adalah agama yang cintakan keamanan. Perkataan Islam itu sendiri membawa maksud selamat. Oleh itu tidak hairanlah jika Al-Quran yang merupakan kalam Allah serta Hadis dan Sunnah Rasulullah s.a.w banyak menyentuh mengenai pentingnya keamanan, menghargai nyawa dan kehidupan. Selaras dengan itu Islam menganjurkan setiap penganutnya melakukan kebaikan tanpa mengira batas agama dan bangsa.

7. Dalam memperkatakan kesejahteraan sejagat, Al-Quran banyak membicarakan tentang susunan masyarakat. Berulang kali dinyatakan bahawa manusia adalah dijadikan dalam pelbagai warna kulit dan bangsa. Walaupun Allah s.w.t dengan ketinggian kuasa yang dimilikinya boleh memilih untuk menjadikan manusia itu dari satu umat sahaja seperti yang dinyatakan dalam Surah al-Maidah: ayat 48 yang bermaksud; "Dan sekiranya Allah mahu, nescaya Dia menjadikan kamu satu umat (yang bersatu dalam agama)", tetapi Allah s.w.t memilih untuk menjadikan manusia itu dari pelbagai jantina, bangsa dan puak sepertimana firmanNya dalam Surah al-Hujurat ayat 13 bermaksud: "Wahai manusia, sesungguhnya kami ciptakan kamu daripada lelaki dan perempuan, dan kami jadikan kamu berbangsa-bangsa dan berpuak-puak supaya kamu berkenalan dengan baik. Sesungguhnya yang paling mulia di sisi Allah ialah yang paling takwa daripada kalangan kamu."

8. Masyarakat wajar menghayati ingatan dari Al-Quran ini dan menerima hakikat bahawa tidak mungkin berlaku suasana bahawa dunia amnya dan negara ini khususnya akan dihuni oleh satu bangsa, kaum dan agama sahaja. Pengungkapan dan pengakuan dua ayat diatas menggambarkan bahawa Islam tidak bersikap menentang atau memusuhi kaum dan bangsa lain terutamanya jika berbeza agama. Sebaliknya menerima mereka dan memberi pengiktirafan kepada perbezaan kepercayaan yang dianuti oleh masyarakat berkenaan.

9. Keadaan ini terbukti semasa pembentukan Negara Islam Pertama iaitu Madinah. Piagam Madinah mengiktiraf kewujudan kaum Yahudi di kota tersebut dan memberikan mereka hak yang sewajarnya. Malah kaum Yahudi dianggap sebagai sebahagian dari ummah (warganegara) Madinah. Kaum Yahudi mempunyai tanggungjawab tersendiri kepada negara Islam. Mereka dikehendaki memberikan ketaatan kepada negara dan perlu membayar diyyah (wang tebusan), tidak boleh melakukan kezaliman dan tidak boleh dizalimi, serta bersama-sama melindungi keselamatan negara.

10. Sebagai tukaran kepada kesetiaan mereka, Rasulullah s.a.w memberi jaminan terhadap keselamatan nyawa, harta dan agama mereka. Identiti kaum serta agama mereka dikekalkan dan tiada paksaan dikenakan untuk mereka meninggalkan agama mereka atau mengikut cara hidup masyarakat Arab Islam. Mereka bebas menganuti agama mereka sepertimana orang Islam bebas menganuti ajaran Islam. Anjuran Al-Quran dan pembentukan negara Islam Madinah dan kemudiannya diteruskan dengan peluasan Islam ke negara-negara Rom, Parsi, Eropah dan Afrika menyaksikan penaklukan oleh Islam tidak pernah memusnahkan identiti bangsa-bangsa lain di negara-negara tersebut. Walaupun diperangi, ajaran Islam menganjurkan bahawa tiada kemusnahan boleh dilakukan terhadap rumah-rumah ibadat. Malahan kaum wanita, orang tua dan anak-anak diberikan perlindungan. Khazanah ilmu setiap tamadun yang ditakluki dipelihara begitu juga dengan tinggalan-tinggalan sejarah mereka.

11. Namun keadaan ini amat berbeza selepas kejatuhan negara-negara Islam akibat dari kesilapan dan kelemahan umat Islam itu sendiri. Penjajahan ke atas negara-negara dan umat Islam telah menyaksikan bagaimana penjajah telah memusnahkan

tamadun Islam, warisan ilmu Islam, masjid diubah menjadi gereja, wanita-wanita Islam diperkosa dan anak-anak dibunuh. Umat Islam dihalang dari mengamalkan ajaran Islam, menuturkan bahasa Arab serta menunjukkan amalan yang menonjolkan ciri keislaman. Bukan sahaja umat Islam dizalimi, tetapi juga kaum yang tidak mempunyai fahaman agama yang sama turut dizalimi. Inilah yang berlaku di Andalus, sebuah wilayah Islam dan di Palestin. Pernah diceritakan bagaimana seorang wanita Kristian di Andalus menangis apabila kerajaan Islam tumbang dan berseru "kembalikanlah Islam ke negara ini dan berbahagialah mereka yang dinaungi oleh kerajaan Islam". Kejadian ini kemudiannya berlaku pula di Bosnia.

12. Islam telah menganjurkan hak asasi manusia empat belas abad yang lalu. Pengiktirafan penghormatan manusia diasaskan kepada lima perkara iaitu nyawa, akal, agama, keturunan dan harta. Ini telah dinyatakan dalam Perisytiharan Hak Asasi Manusia oleh Majlis Islam Sedunia yang menggariskan 23 perkara hak asasi manusia yang di kumpul dari AlQuran dan sunnah. Perisytiharan ini memperuntukkan HAK UNTUK HIDUP – iaitu nyawa manusia adalah suatu yang mulia dan dihormati. Tidak ada sesiapa yang boleh mencerohnya. Dalam Surah Al-Maidah ayat 12, Allah berfirman yang bermaksud: "Sesiapa yang membunuh seseorang tanpa dosa membunuh atau sesiapa yang membuat kejahatan di dunia maka seolah-olah ia membunuh manusia seluruhnya. Barang siapa yang membiarkan (tidak mengganggu kehidupan seseorang) seolah-olah ia menghidupkan manusia seluruhnya." Ayat ini menjelaskan kemuliaan hidup dan kehormatan nyawa manusia ini tidak boleh dicabuli melainkan menurut syariat Islam dengan tatacara yang diakuinya tanpa mengira agama atau bangsa.

13. Kesejahteraan jasmani dan rohani seseorang adalah dilindungi oleh syarak semasa hidup dan mati. Seseorang itu berhak mendapat layanan baik dan penghormatan terhadap jenazahnya. Rasulullah s.a.w menerangkan yang bermaksud : "Apabila kamu mengkapankan saudaramu maka kapanilah dengan baik". - Riwayat Muslim. Aib dan cacat celanya wajib dilindungi sepertimana sabda Baginda s.a.w yang bermaksud: "Jangan kamu mencerca orang yang telah mati kerana mereka telah pergi kepada ketentuan yang telah di takdirkan kepada mereka berdasarkan kepada amal mereka," riwayat Bukhari. Dari Sunnah tersebut, jelas bahawa Islam memberi penghormatan dan nilai kepada nyawa hingga ke peringkat jenazah sekalipun. Justeru itu adalah mustahil Islam dilihat sebagai agama yang bersifat ganas dan kejam. Oleh yang demikian, adalah salah jika dikaitkan keganasan dengan jihad dan ajaran Islam. Adalah menjadi tanggungjawab kita semua sebagai umat Islam untuk memperbetulkan tanggapan salah bahawa Islam menganjurkan keganasan.

14. Beberapa abad setelah Al-Quran menganjurkan penghormatan kepada nyawa dan kehidupan manusia dan setelah Rasulullah s.a.w melaksanakannya di Madinah, barulah Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu mengisytiharkan hak asasi manusia berkaitan nyawa di bawah Perkara 3 – iaitu tiap-tiap orang berhak pada hidup, kebebasan dan keselamatan diri. Melihat kepada kedudukan perisytiharan ini ternyata PBB lebih mengutamakan hak kebebasan dan kesemestaan dari hak terhadap kehidupan. Tidak hairanlah jika isu-isu hak asasi manusia yang sering di bangkitkan adalah hak kebebasan tanpa sekatan dan tanggungjawab dan hak

kesamarataan yang kadangkala tidak begitu samarata dan tidak begitu bebas, tetapi hak terhadap nyawa dan kehidupan yang lebih penting diketepikan.

15. Jelas terdapat perbezaan penekanan di antara Pengisytiharan Majlis Islam Sedunia mengenai Hak Asasi Manusia yang berteraskan Al-Quran dan Sunnah, dan Deklarasi Sejagat PBB mengenai Hak Asasi Manusia. Di samping mengiktiraf hak-hak berasaskan kebebasan, keadilan dan kedamaian dunia, Pengisytiharan Majlis Islam Sedunia mengenai Hak Asasi Manusia turut memberikan penekanan kepada hak nyawa dan kehidupan. Sebaliknya Deklarasi Sejagat PBB lebih menekankan kepada hak sama rata dari segi taraf diri dan hak-hak berasaskan kebebasan, keadilan dan kedamaian dunia.

16. Walaupun Barat memberi keutamaan kepada kebebasan dan kesamarataan dan pelbagai formula dan pendekatan dirangka untuk mencapai matlamat tersebut, ketidakseimbangan kedudukan terus berlaku. Ancaman serta penindasan terus berleluasa dan dilakukan. Kita juga terpaksa menyaksikan peperangan, penganiayaan dan penindasan yang keterlaluan. Idealisma Barat yang berteraskan pemikiran dan falsafah yang diwarisi dari Jean Jacques Rousseau (The Social Contract), Voltaire, John Locke dan Montesquieu (The Spirits of Law) jelas berbeza penekanannya dengan warisan falsafah dan pemikiran Islam. Keadaan ini perlu diubah supaya keadilan dan kesejahteraan dapat diberikan kepada manusia sejagat.

17. Satu pemikiran semula berkenaan ciri-ciri ketamadunan manusia itu sendiri perlu dilakukan. Jika Abad ke 20 dipenuhi dengan kekejaman dan keganasan yang bertentangan dengan nilai dan ajaran Islam, kita perlu merenung dengan serius untuk menjadikan abad ke 21 sebagai abad yang berperikemanusiaan.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

18. Keadilan tidak akan tercapai tanpa terlebih dahulu mewujudkan jentera yang mempunyai struktur yang lengkap untuk digerakkan bagi tujuan mencapai matlamat tersebut. Tidak akan wujud keadilan global tanpa perundangan yang tersusun dan mantap. Kofi Annan, Setiausaha Agung PBB dalam ucapannya pada Julai 1998 berkata: "There can be no global justice unless the worst of all crimes - crimes against humanity - are subject to the law. In this age more than ever we recognize that the crime of genocide against one people truly is an assault on us all - a crime against humanity." Islam sebagai agama yang menganjurkan keamanan menggalakkan umatnya berbakti kepada manusia kerana pelaksanaan tugas untuk melindungi manusia dari keburukan adalah lambang kesetiaan mereka kepada manusia sejagat, sebagai sumbangan ikhlas mereka untuk menyelamatkan dunia dari bencana penyelewengan, dan menjamin kehidupan yang tenteram, mulia serta membawa keadilan dan perdamaian. Firman Allah s.w.t dalam surah al Imran ayat 104 bermaksud: "Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berda'wah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya."

19. Dengan firman diatas, dan lafaz Bismillah hirrahmanirrahim, saya dengan segala sukacitanya merasmikan Forum Hak Asasi Manusia Menurut Perspektif Islam bertemakan Kesejahteraan Sejahtera.

Wassalamu'alaikum Warrahmatullah hi wabarakatuh.